

**NO. SOALAN : 206**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : YB PUAN KASTHURIRAANI A/P PATTO  
[ BATU KAWAN ]**

**SOALAN :**

**YB Puan Kasthuriraani A/P Patto [ Batu Kawan ] minta PERDANA MENTERI menyatakan semua projek Kerajaan Persekutuan di kawasan Parlimen Batu Kawan (Perai, Bukit Tengah dan Bukit Tambun dari tahun 2005 sehingga 2015, siapakah kontraktor secara spesifik, kos projek tersebut serta tamat tempoh projek tersebut.**

**JAWAPAN: YB DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Sehingga 10 Mei 2015, Kerajaan Persekutuan telah melaksanakan sebanyak 98 program/projek pembangunan dengan kos sebanyak RM4.15 bilion di kawasan Parlimen Batu Kawan dalam tempoh 2005 – 2015.

Daripada jumlah tersebut, sebanyak 92 projek telah disiapkan secara berperingkat-peringkat dan baki sebanyak enam (6) projek sedang dalam pelbagai peringkat pelaksanaan dan dijangka akan dapat disiapkan menjelang akhir tahun 2015.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kontraktor yang melaksanakan projek-projek tersebut telah memenuhi kriteria yang telah digariskan oleh Kementerian Kewangan Malaysia dan berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB) serta Pusat Khidmat Kontraktor (PKK).

Sekian. Terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : JAWAB BUKAN LISAN**

**DARIPADA : PUAN KASTHUTIRAANI A/P PATTO  
[ BATU KAWAN ]**

**SOALAN : 207**

**Puan Kasthuriraani a/p Patto [ Batu Kawan ]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan dengan terperinci jumlah kutipan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) terhadap penjualan nombor plat kenderaan yang “istimewa” atau “panas” seperti WWW888 dan kutipan dari penjualan nombor plat kenderaan biasa dari tahun 2005 sehingga 2015 serta bagaimana wang tersebut digunakan.

## **JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Rekod kutipan penjualan nombor plat di JPJ adalah dibuat secara menyeluruh termasuk yang diklasifikasikan oleh YB. Batu Kawan sebagai nombor "istimewa" atau "panas". Bagi maksud ini, jumlah kutipan berkenaan bagi tahun 2005 sehingga Mac 2015 adalah seperti berikut:

<b>TAHUN</b>	<b>AMAUN KUTIPAN (RM)</b>
2005	231,073,317.63
2006	199,730,255.72
2007	120,681,101.27
2008	260,255,683.69
2009	258,131,634.74
2010	296,839,657.32
2011	324,331,741.24
2012	354,697,328.24
2013	353,207,728.52
2014	351,040,981.42
2015 (sehingga Mac)	53,424,403.85

Tuan Yang di-Pertua,

Semua hasil kutipan yang diterima sama ada menerusi penjualan nombor plat kenderaan atau urus niaga Jabatan Pengangkutan Jalan yang lain

adalah disalurkan terus kepada Akaun Kumpulan Wang Disatukan selaras dengan Akta Tatacara Kewangan 1957 dan menjadi hasil Kerajaan. Penggunaan wang tersebut adalah bergantung kepada Belanjawan Negara setiap tahun yang diumumkan oleh Kerajaan.